

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MANFAAT TAMBAHAN KEMALANGAN DIRI: KEHIDUPAN BERBANTU



Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Manfaat Tambahan Kemalangan Diri: Kehidupan Berbantu

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 01/01/2026

## 1. Apakah Kehidupan Berbantu?

- Kehidupan Berbantu ialah manfaat tambahan yang membayar balik perbelanjaan penjagaan jururawat bulanan jika anda tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kerana kecederaan: pemindahan, pergerakan, menggunakan tandas, pemakaian, mandi/membersihkan diri dan makan.
- Manfaat tambahan ini hanya unuk polisi:Kemalangan Diri Prime, Kemalangan Diri Individu dan Kemalangan Diri Warga Tua.

## 2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium tahunan RM 37.00 bagi Kemalangan Diri Prime, & Kemalangan Diri Individu dan RM61.00 bagi Kemalangan Diri Warga Tua (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem), anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

| Polisi/sijil ini meliputi:                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Polisi/sijil ini tidak termasuk:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>Perbelanjaan Kehidupan Berbantu - mak RM3,000 setiap bulan, sehingga 12 bulan bagi setiap kecederaan</li><li>Yuran Penilaian - mak RM100 setiap lawatan untuk Penilaian Klinik and RM250 setiap lawatan untuk Penilaian Pemeriksaan Kesihatan di Rumah</li></ul>              | <ul style="list-style-type: none"><li>Keadaan sedia ada</li><li>Perbelanjaan penjagaan atau perkhidmatan yang diberikan oleh ahli keluarga yang diinsuranskan termasuk pasangan, anak, cucu, adik-beradik atau pembantu rumah</li><li>Perbelanjaan penjagaan atau perkhidmatan tanpa resit rasmi</li></ul> <p>Manfaat tambahan in tertakluk kepada pengecualian umum Kemalangan Diri utama. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.</p> |
| Tempoh perlindungan insurans ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun.                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a> ). |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Manfaat Tambahan Kemalangan Diri: Kehidupan Berbantu, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1-800-88-MSIG (6744)  
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:  
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:  
[myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

### 3. Ketahui Kewajipan Anda

|                                                                                          |                                                                        |                                                |
|------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| Untuk Manfaat Tambahan Kehidupan Berbantu, anda mesti membayar premium seperti di bawah: |                                                                        |                                                |
|                                                                                          | Kemalangan Diri Prime, &<br>Kemalangan Diri Individu<br>(setiap tahun) | Kemalangan Diri<br>Warga Tua<br>(setiap tahun) |
| Pelan Tambahan: Kehidupan Berbantu<br>(Pelan 1)                                          | : RM37.00                                                              | RM61.00                                        |
| Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:                                          |                                                                        |                                                |
| Duti Setem                                                                               | : Tidak berkecuaan                                                     | Tidak berkecuaan                               |
| Komisen 25% (termasuk dalam premium)                                                     | : RM9.25                                                               | RM15.25                                        |
| Cukai Perkhidmatan 8%                                                                    | : RM2.96                                                               | RM4.88                                         |
| Jumlah premium yang perlu dibayar                                                        | : RM39.96                                                              | RM65.88                                        |

### 4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Anda hanya boleh membeli satu Manfaat Tambahan Kehidupan Berbantu satu masa. Jika anda mempunyai lebih daripada satu manfaat tambahan ini, kami hanya akan membayar di bawah manfaat tambahan pertama yang dikeluarkan.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan penuh kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### 5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan manfaat tambahan ini tetapi tiada bayaran balik premium untuk manfaat tambahan tersebut.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.